



වට් ජේං. ඩි. පුන්. ගු.



(Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi)

Tahun 1 Bilangan 1 www.survey.gov.bn/jkng_brunei/jawatankuasa.html 1 Rabiulakhir 1433 bersamaan 1 March 2012

Bismillahir Rahamanir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

*S*etinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatan-kuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) Negara Brunei Darussalam selaku Jawatankuasa yang melaksanakan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan dalam penamaan dan pemianaian nama-nama geografi di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Nama Geografi adalah amat penting kerana Negara Brunei Darussalam kaya dengan adat resam dan tradisi yang dapat diambil dan dimasukkan ke dalam nama geografi. Oleh itu, JKNG adalah memainkan peranan yang penting dalam mewarnai kedaulatan negara kita yang berfalsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Nama Geografi adalah penting kerana berkembangnya satu tempat mengenai sesuatu hal, hendaklah memperkenalkan dari segi Nama Geografi tersebut, jangan sampai nama tempatan tidak diambil kira oleh JKNG yang membolehkan kekeliruan orang ramai. JKNG juga perlu aktif dalam mempromosikan nama-nama geografi di seluruh Negara Brunei Darussalam supaya ia dapat diterima pakai oleh orang ramai. Langkah-langkah seperti promosi melalui media massa dan laman sesawang adalah sangat diperlukan dari semasa ke semasa.

Selain menyokong cadangan "The Ninth United Nations Conference on the Standardization of Geographical Names" agar setiap negara ahli mempunyai Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi dan laman sesawang masing-masing, kita juga seharusnya sudah mempunyai pemikiran bagi memiliki nama-nama geografi di negara ini. Kerana dengan cara ini saja masyarakat dunia akan lebih dekat dan tahu tentang negara kita khususnya kepada individu, kumpulan penyelidik dan pelancong yang ingin berkunjung dan membuat penyelidikan di negara ini. Oleh itu, tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa jawatankuasa ini juga turut menyumbang kepada peningkatan industri pelancongan negara.

Saya berharap, agar Jawatankuasa ini akan bergerak lebih aktif lagi dengan mengambil kira perkembangan dunia semasa dan berperanan sewajarnya dalam membantu negara mewujudkan sebuah sistem maklumat geografi yang komprehensif dan diakui setara dengan amalan-amalan terbaik antarabangsa sehingga negara kita tetap sentiasa dilihat relevan di mata masyarakat antarabangsa kini dan masa akan datang.

Semoga maju jaya.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman
Menteri Pembangunan**

PERUTUSAN



Sejarah JKNG

3

Berita Mengenai Lawatan

10

Statistik

17



KATA ALU-ALUAN PENGERUSI (JKNG)

Awang Haji Mohd. Jamil bin Haji Mohd. Ali
Juruukur Agung



Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

A

Ihamdulillah, syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana dengan limpah, kurnia dan taufik serta hidayah-Nya jua, maka dapatlah Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) Negara Brunei Darussalam melaksanakan kegiatannya yang salah satunya ialah terbitan pertama berita JKNG. Dengan adanya berita JKNG akan membolehkan masyarakat luar iaitu masyarakat setempat dan global mengetahui mengenai maklumat geografi Negara ini dengan lebih lengkap dan cepat.

Kumpulan Pakar Nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu The United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) yang Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah Negara ahli telah menuntut beberapa perkara semua negara ahli. Antaranya setiap negara anggota mestilah mempunyai:-

- i) Laman sesawang toponimik (toponymic website)
- ii) Katalog nama geografi negara (state catalogue name)
- iii) Garis panduan standardisasi toponimik (Toponymic guideline of standardization)

Insya-Allah, dengan wujudnya Jawatankuasa ini dan laman sesawangnya, maka negara kita akan mampu memenuhi tuntutan UNGEGN yang sekali gus penyebaran maklumat mengenai nama-nama geografi negara kita akan lebih meluas dan cepat. Kewujudannya juga akan menggalakkan lagi negara-negara ahli termasuk Negara Brunei Darussalam membuat jaringan kerjasama dengan negara ahli lain, khusus mengenai sistem maklumat nama geografi. Dengan itu, sudah pasti fungsi atau peranan Jawatankuasa ini akan lebih berkesan lagi.

Mengenai fungsi dan pergerakan Jawatankuasa ini, Alhamdulillah Jawatankuasa ini sudah mengadakan beberapa kali mesyuarat. Isu yang menjadi perhatian awal Jawatankuasa ini ialah menyemak nama-nama geografi dalam peta secara berperingkat-peringkat dengan menyelaraskan ejaan, menentukan ketetapan nama, kewajaran nama dan kedudukan, meneliti kembali nama-nama tempat yang kontroversi dan kewujudannya secara fizikal. Semua kerja ini dibuat berdasarkan Garis Panduan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi Negara Brunei Darussalam. Mudah-mudahan Jawatankuasa ini akan sentiasa mendapat sokongan daripada pihak-pihak lain agar permasalahan penamaan nama-nama geografi seperti nama tempat, nama jalan dan nama bangunan akan dapat dikurangkan.

Wassalam.



SEJARAH JKNG

*N*egara Brunei Darussalam telah menjadi Ahli Pertubuhan United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) untuk Asia South-East dan Pacific West Division sejak 1960. Negara-negara ahli terdiri daripada Australia, Bhutan, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Amerika Syarikat, Singapura, Thailand, Sri Lanka, New Zealand, Nauru, Papua New Guinea, Filipina, Vanuatu dan Vietnam.



Pada 5 Jun 1976, Jawatankuasa Nama-nama Ilmu Alam telah ditubuhkan dengan kebenaran daripada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Haji Awang Umar, Setia Usaha Kerajaan Brunei. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka telah dilantik menjadi pengerusi JKNG dan ahlinya terdiri daripada Juruukur Agung, Pengarah Pelajaran, Pengarah Muzium, dan keempat-empat Pegawai Daerah. Sejak Tahun 2009, jawatan Pengerusi dipegang oleh Juruukur Agung. Pertukaran tersebut adalah bertujuan supaya lebih selaras dan sesuai dengan bidang tugas Jabatan Ukur sebagai Jabatan Pengeluar Peta, Pengendalian Nombor-nombor Rumah dan Simpang serta Jawatankuasa Sempadan Mukim dan Kampung. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 22 September 1976. Peta yang digunakan 1:250 000 JOG-NB50-9 VICTORIA.

Bertitik tolak daripada Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perstandardan Nama Geografi (United Nations Conference on the Standardisation of Geographical Names) yang bermesyuarat di Montreal pada tahun 1987 bahawa perlunya setiap negara anggota merangka garis panduan toponimi, maka untuk memenuhi keperluan tersebut sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi Negara Brunei Darussalam (JKNG) telah ditubuhkan. Mesyuarat pertama diadakan pada 23 Rejab 1427 bersamaan 17 Ogos 2006 di Bilik Laila Muafakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam diberi penghormatan untuk mempengerusikan Asia South East and Pacific West Division bagi sesi 2005–2007, yang dipengerusikan oleh Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan, Juruukur Agung. Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ke-12, tahun 2005 di Hotel Antarabangsa Rizqun Gadong. Negara Brunei Darussalam juga pernah mengikuti Latihan Toponimi di Jakarta, Indonesia pada tahun 2005.

Pada hari Selasa, 3 Syaaban 1429/5 Ogos 2008 pelancaran laman web JKNG telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

Fungsi JKNG

- Menentukan nama geografi yang betul pada peta
- Menentukan ejaan yang betul
- Menentukan gaya penulisan
- Menentukan sebutan yang betul



Prinsip Utama Penamaan

Prinsip JKNG adalah untuk menyeragamkan kaedah penentuan penamaan baharu atau perubahan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam ke arah penggunaan nama-nama geografi yang konsisten dan tepat. Umumnya, penentuan nama hendaklah mematuhi perkara yang berikut:

- 1) Prinsip yang telah ditetapkan dalam perjanjian antarabangsa; dan
- 2) Dasar dan prinsip yang dibentuk dan diterima oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)



Dirasmikan oleh:

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah
bin Pehin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar
Menteri Pembangunan.**



Persidangan UNGEGN
(United Nations Group of Experts on Geographical Names)
di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong
pada 21–25 November 2005.



Latihan Toponimi, Kota Batu, Malang, Indonesia
11–23 September 2005



United Nations Group of Expert on Geographical Names 15th Asia South East and Pacific South West Divisional Meeting Jakarta on 24–25 February 2008.



18th Divisional Meeting United Nations Group of Expert On Geographical Names (UNGEGN),
Asia South East and Pacific South West on 21–22 February 2011 at Crowne Plaza Mutiara Hotel, Kuala Lumpur.

Asia South East and Pacific South West on 21–22 February 2011 at Crowne Plaza Mutiara Hotel, Kuala Lumpur.



Persidangan Ke-9 UNGEGN

(United Nation Group of
Experts on Geographical Names)
di New York pada 21–30 Ogos
2007.



Majlis Pelancaran dan Perasmian Laman Web

oleh Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Haji Awang Mohammad bin
Haji Daud, Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sukan bertempat di
Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa
dan Pustaka pada hari Selasa, 3
Syaaban 1429/5 Ogos 2008.



Majlis Pelancaran Nama-nama Jalan

Daerah Brunei Muara pada 14 Mei 2011



Tetamu Kehormat

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman
Menteri Pembangunan.**





Daerah Brunei Muara pada 7 Januari 2012



Tetamu Kehormat

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman**

Menteri Pembangunan.







Berita Lawatan

Lawatan JKNG ke lokasi yang dikenal pasti penamaannya bermasalah bagi memudahkan sebarang tindakan.

Lawatan Kerja pada 7 Julai 2008



Taklimat sebelum lawatan
Tempat: Jabatan Ukur



Tasik Rimba



Bangunan Hua Ho Manggis



Kawasan Commonwealth Drive

Lawatan Kerja Mukim Serasa pada 28 Julai 2010

● Tanjung Langir/Tanjung Tai Ayam





Lawatan Kerja Mukim Serasa pada 19 Oktober 2010



Bukit Sebangan



Bukit Huar Cina



Bukit Pantai Meragang



Wasai Limuru



Bukit Pantai Halalang





Lawatan Kerja Daerah Tutong pada 25 November 2010



Lunok Sitamam



Bukit Alan



Padang Empat Segi



Pulau Tiga



Lubang Harimau



Sungai Rasau



Sungai Tempajak



Lurah Kuncang



PENGERUSI JKNG



Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi



Dato Paduka Haji Mahmud
bin Haji Bakyr



Pengiran Dato Paduka
Haji Badarudin
bin Pengiran Haji Abd. Ghani



Dr. Mataim bin Bakar



Awang Haji Mohd. Jamil
bin Haji Mohd.Ali



Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)

Awang Haji Mohd. Jamil bin Haji Mohd.Ali
Juruukur Agung (Pengerusi JKNG)

Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (Timbalan Pengerusi JKNG)



Gazetir (Nama-nama yang Sudah Diwartakan)

Contoh nama-nama yang sudah diwartakan seperti berikut:

Amoh Besar, Sungai	STM	4	37N	115	08E	47000
Amok, Sungai	STM	4	38N	115	07E	47000
Amoh Besar, Sungai	STM	4	37N	115	08E	47000
Ampat Sungai See Empat, Sungai	STM	4	35N	114	07E	47000
Ampoh Sungai	STM	4	43N	114	31E	47000
Anam, Sungai See Enam, Sungai	STM	4	35N	114	06E	47000
Bakayau, Sungai See Bekiau, Sungai	STM	4	48N	114	40E	47000
Bakong, Sungai	STM	4	40N	114	27E	47000
Bakut, Sungai	STM	4	45N	114	43E	47000
Balan, Sungai See Balau, Sungai	STM	4	53N	114	44E	47000
Balau, Sungai	STM	4	53N	114	44E	47000
Bamban, Sungai	STM	4	39N	114	38E	47000
Mantang, Sungai	STM	4	42N	114	33E	47000
Mantis, Sungai	STM	4	54N	114	46E	47000
Menunggul, Sungai	STM	4	54N	114	01E	47000



Telaga Fitrah

Telaga Fitrah bertempat di Kampung Kapok, Mukim Serasa.

Telaga Fitrah mengisahkan seorang yang hendak berfitrah akan tetapi tidak mempunyai apa-apa untuk difitrahkan. Oleh yang demikian beliau menggali sebuah telaga yang mana air dari telaga itulah yang menjadikan fitrahnya.



Tanjung Durian Seribu

Tanjung Durian Seribu terletak di Kampung Kapok, Mukim Serasa di Daerah Brunei Muara.

Asal usul Tanjung Durian Seribu adalah mengenai dengan sejenis buah durian kuning. Buah durian kuning ini tidak berapa baik isinya (kalang), tetapi buahnya lebat. Kalau buahnya ini gugur, gugurnya semalam seribu biji. Oleh sebab itulah, makanya tempat itu dipanggil Tanjung Durian Seribu.

Telaga Landak

Telaga Landak terletak di Kampung Kapok, Mukim Serasa di Daerah Brunei Muara.

Asal usul Telaga Landak ini ialah sebuah telaga. Telaga ini jika terjadi kemarau selama enam ke tujuh bulan, telaga ini tidak akan kering. Disebabkan telaga ini tidak kering, maka binatang landak akan selalu mendatangi telaga tersebut untuk mandi dan meminum airnya. Justeru itulah maka telaga tersebut di panggil Telaga Landak.

Luagan Danau Chikok

Luagan Danau Chikok terletak di Kampung Kapok, Mukim Serasa di Daerah Brunei Muara.

Asal usul Luagan Danau Chikok adalah satu luagan danau. Pada masa dahulu, luagan danau tersebut mengandungi air dimana luagan danau itu didatangi oleh sejenis monyet yang di panggil Chikok. Chikok itu akan mandi dan minum dari luagan danau tersebut. Oleh sebab itulah, maka luagan danau tersebut dipanggil Luagan Danau Chikok.



Statistik

Nama yang dikumpulkan	1235 nama
Nama yang sudah diterima/dibenarkan	1215 nama
Nama yang belum diterima/dibenarkan	20 nama
Peta yang digunakan skala 1:10 000 bagi Daerah Brunei Muara	Keping

Statistik on Feature Type

District Wise Number of Records

Feature Type	Kuala Belait	Brunei Muara	Tutong	Temburong	Jumlah
ISL	1	23	12	11	47
FRST	3	0	1	4	8
LAKE	16	9	13	6	44
CHNL	1	3	0	2	6
RAP	9	0	0	2	11
PEAK	0	0	0	1	1
WFAL	2	33	3	0	38
PARK	0	1	0	0	1
RVR	237	460	288	248	1233
HLL	45	473	164	27	709
ARCH	1	2	1	0	4
GULF	0	1	0	0	1
TRPT	6	23	9	11	49
POOL	1	23	50	3	77
ROCK	0	1	0	1	2
PPL	94	442	223	71	830
CAPE	54	32	22	20	128
SWMP	8	108	51	2	169
BCH	0	1	2	0	3
CAMP	0	1	0	0	1
BEND	105	12	15	46	178
LONG	14	0	8	2	24
RMTH	5	4	5	2	16
Jumlah	602	1652	867	459	3580



PETA



Contoh Peta Nama-nama Geografi bagi Daerah Brunei Muara sahaja. Sebanyak 1233 Nama-nama Geografi tersebut telah diluluskan dalam mesyuarat JKNG Kali Ke-21 pada 11 Mei 2010.



Jawatankuasa Kerja

Pengerusi

Awang Haji Mohd. Jamil bin Haji Mohd. Ali
Juruukur Agung, Jabatan Ukur.

Timbalan Pengerusi

Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Setiausaha Bersama

Dayang Hajah Salmahwati binti Haji Mohsin
Jabatan Ukur

Awang Hatnan bin Haji Buang
Dewan Bahasa dan Pustaka

Urus Setia

Jabatan Ukur
Dewan Bahasa dan Pustaka

Ahli-ahli

Dr. Mataim bin Bakar
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Dr. Hajah Dulima binti Jali
Fakulti Sains Sosial Jabatan Geografi, Universiti Brunei Darussalam

Dr. Haji Muhammad Hadi bin Haji Muhammad Melayong
Jabatan Penerangan

Ketua Pengarah Kerja Raya/Wakil
Pegawai Daerah Brunei dan Muara/Wakil
Pegawai Daerah Belait/Wakil
Pegawai Daerah Tutong/Wakil
Pegawai Daerah Temburong/Wakil
Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa/Wakil
Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan/Wakil
Pengerusi Lembaga Bandaran Belait dan Seria/Wakil
Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong/Wakil
Pengarah Jabatan Muzium-Muzium/Wakil
Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum/Wakil



Warta JKNG Brunei Darussalam

Editor

Urus Setia Jabatan Ukur
Urus Setia Dewan Bahasa dan Pustaka

Penyelaras Penerbitan

Hajah Ramlah binti Haji Abd. Rahman (DBP)

Reka Bentuk Kulit Luar

Mahaddi bin Haji Mat Zain (DBP)

Reka Bentuk Dalam

Mariyati binti Mohamed (DBP)

Dicetak oleh

Brunei Darussalam